

Headline	Santa Klaus turun ke pondok		
MediaTitle	Harakah		
Date	28 Apr 2014	Color	Full Color
Section	General News	Circulation	150,000
Page No	N4,5	Readership	450,000
Language	Malay	ArticleSize	318 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,229
Frequency	Twice in a Week	PR Value	RM 6,688



# 'Santa Klaus' turun ke pondok

**S**EKARANG adalah masa Umno meraikan Islam. Hukum hudud yang dianggap 'hudud PAS' sejak sekian lama, ditentang oleh Umno kerana kononnya berlawanan dengan Islam tiba-tiba kini disokong.

Para pemimpin Umno bermula daripada Perdana Menteri, menteri besar hinggalah para pemimpin bawahan tidak kekuk lagi berjubah dan berkopiah hadir dalam program ke-Islaman.

Di Seri Mentaloon, Kedah baru-baru ini mereka menganjurkan Ijtimak Pondok 1-Malaysia. Hebat, Umno pun sudah pandai guna istilah 'Ijtimak' yang separuh abad digunakan oleh PAS. Dalam ijtimak tersebut seluruh warga pondok dalam negeri Kedah dijemput tetapi yang hadir cuma segelintir wakil pondok yang berdaftar di bawah Yayasan Pondok 1-Malaysia (YP1M).

Bagi meramaikan, seperti biasa, mereka mengerahkan para pegawai agama, guru KAFA serta para pelajar tahfiz. Mereka menjemput juga wakil-wakil pondok dari Thailand. Tampaklah majlis tersebut seolah-olah dipenuhi oleh alim ulama belaka. Imej yang hendak dipropagandakan ialah golongan agama kini, sekalipun yang berserban dan berjubah sudah bersama Umno!

Dalam ijtimak tersebut, para pemimpin kerajaan turun bertemu pihak pondok bagaikan Santa Klaus. Menteri Besar Dato' Paduka Mukhriz Mahathir bagi elauun untuk tok guru bagi 11 pondok di Kedah berjumlah RM22,000. Bermakna setiap seorang tok guru dapat RM2,000. Selain itu RM20,000 diperuntukkan setiap pondok untuk membeli kitab.

Kerajaan juga akan beri peruntukan RM42,000 bagi prasarana pondok-pondok tersebut. Kononnya kerajaan tidak akan mencampuri urusan pentadbiran pondok namun tetap memantau silibus pengajian pada 11 pondok di Kedah yang berdaftar di bawah YP1M.

Pengerusi Eksekutif Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia,

Dato' Dr Mashitah Ibrahim umumkan, akan menyediakan latihan profesional percuma kepada guru-guru pondok. Para pelajar pondok yang cemerlang akan diusahakan untuk memasuki IPTA atau sambung pengajian di Timur Tengah dengan biayaan YP1M.

Katanya lagi, pihaknya akan mewujudkan pusat sumber khas kitab-kitab pondok untuk rujukan. Dengan kerjasama Arkib Negara, mereka akan tubuh galeri khazanah khas tulisan atau karangan kitab-kitab lama oleh para alim ulama untuk tujuan pameran.

Datang Perdana Menteri di majlis penutup, lebih hebat 'sogokannya'. Dato' Seri Najib Razak umum akan menyediakan 100 tempat pelajar cemerlang pondok ke IPTA, sama ada USIM atau UIAM yang akan dibiayai oleh kerajaan Pusat.

Beliau meluluskan geran tanah RM500,000 untuk YP1M membina bangunan dan juga urusan pentadbiran. Setiap tahun 20 kuota haji disediakan untuk tok-tok guru pondok menunaikan haji dengan pembiayaan sepenuhnya oleh Tabung Haji.

Kebanyakan sumbangan yang diumumkan itu adalah peruntukan Pusat. Jika dijumlahkan seluruh sumbangan yang diberikan untuk sekolah pondok tersebut sebenarnya ia tidaklah lebih besar daripada sumbangan yang diberikan kerajaan negeri semasa Pakatan rakyat kepada sekolah-sekolah agama rakyat dan pondok yang bergabung di bawah Hal Ehwal sekolah Agama Rakyat (HESA) Kedah.

HESA ditubuhkan pada 2 Jun 2010, mengumpulkan 76 institusi pengajian Islam termasuk pondok, mendapat suntikan dana daripada kerajaan PAS dahulu sebanyak RM2.2 juta. Sumbangan itu lebih ikhlas dan bermakna. Ia bukan umpan politik.

Tiada masalah pun jika kerajaan yang diterajui Umno kini cenderung hati untuk menyokong institusi pondok. Cuma keikhlasan sangat diragui. Di zaman Tun Ma-

hathir Mohamad institusi pondok tidak pernah mendapat perhatian. Tan Sri Sanusi Junid menghuraikan kaitan 3P iaitu padi, pondok dan PAS. "Di mana ada padi, di situ ada pondok, di mana ada pondok di situ ada PAS," ujar Sanusi.

Pondok, dianaktirikan ketika itu di samping kerana ia menjadi kubu PAS, ia juga disebabkan Umno tidak memerlukan sangat sokongan orang Melayu daripada semua golongan. Undi Melayu yang ada ketika itu sudah mencukupi kerana Umno-BN mendapat sokongan lumayan daripada masyarakat bukan Melayu, khususnya kaum Cina.

Sekarang Umno betul-betul tenat. Bukan Melayu menolak Umno secara jelas. Kalau ada undi Melayu di bawah jambatan, di gelandangan bahkan dalam reban ayam sekalipun akan cuba dikutip oleh Umno habis-habisan.

Maka langkah terakhir Umno yang walaupun sulit, terpaksa dilakukan juga ialah cuba mengaut undi daripada kalangan pencinta Islam yang selama ini sehati sejiwa dengan PAS.

Macam-macam usaha dibuat untuk menariknya dan umpanan kebendaan ini dijangka agak berkesan kerana institusi pondok tidak sangat mendapat perhatian berbanding institusi pendidikan agama yang lain. Itu pun hanya terkesan di kalangan segelintir tok guru yang tidak mendalami fikrah siasah.

Biasanya pondok-pondok yang mendapat pembiayaan kerajaan kerana bernaung di bawah YP1M ini walaupun mungkin kaya raya dari segi wang ringgit tetapi akan papa kedana dari segi sokongan orang ramai.

Sebabnya mudah saja, kerana orang yang berfikrah Islam kenal benar siapa itu Umno dan permainan licik mereka untuk mengumpun sokongan demi kuasa. Dengan kuasa onar pun bermaharajalela.